

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08 / 08 / 2007

Laksanakan pelan tindakan

UMM - 8/8/2007

Kita harapkan masing-masing (negara peserta) melaksanakan idea yang mereka fikirkan sesuai dengan keadaan mereka dan terserah sama ada untuk melaksanakannya atau tidak

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

LANGKAWI 7 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan peserta Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 supaya memastikan Pelan Tindakan Jalan ke Depan yang dihasilkan bagi menjayakan usaha membasmi kemiskinan, dilaksanakan di negara masing-masing.

Perdana Menteri berkata, kesemua negara peserta perkongsian pintar yang mendalami isu 'Pembasmian Kemiskinan melalui Pembangunan Modal Insan dan Pembinaan Keupayaan' tahun ini perlu memastikan kata-kata yang dizahirkan sepanjang dialog tiga hari di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort, menjadi kenyataan.

"Sebagaimana yang kita sedar, tindakan bercakap dengan lebih kuat daripada kata-kata.

"Jadi, apabila kita meninggalkan Pulau Langkawi yang indah ini, marilah kita menetapkan matlamat untuk memainkan peranan masing-masing bagi memberi maksud yang praktikal dan memastikan pelaksanaan pelan tindakan yang telah kita angkat.

"Seperti yang selalu dikatakan, marilah kita jalankan kata-kata itu," katanya semasa berucap pada majlis penutup LID 2007 di sini malam ini.

LID 2007 yang berlangsung buat kali kelapan dihadiri 475 peserta dari 40 negara, kebanyakannya dari Afrika.

Hasil LID kali ini diterjemahkan dalam dokumen Pelan Tindakan bagi memastikan langkah-langkah praktikal dapat dihasilkan dan diambil oleh negara-negara peserta.

Abdullah percaya LID 2007 menyemarakkan lagi semangat kerjasama dan kesediaan untuk berkongsi peluang bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk di kalangan negara-negara peserta.

"Ini boleh kita lakukan khususnya melalui perkongsian sektor awam dan swasta, bukan sahaja di negara masing-masing tetapi juga merentasi sempadan negara," katanya.

Beliau menegaskan, berdasarkan realiti sistem ekonomi antarabangsa masa kini, adalah jelas bahawa usaha kebangsaan untuk membasmi kemiskinan perlu dilengkapkan dengan tindakan antarabangsa.

"Sebahagian daripada tindakan antarabangsa ini ialah proses membantu diri sendiri dan perkongsian pintar yang kita



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama (dari kiri) Perdana Menteri Lesotho, Pakalita Mosisili, Presiden Namibia, Hifikepunya Pohambe Puke, Menteri Perdagangan Zambia, Felix Mutati dan Raja Swaziland, Mswati III memegang molekul karbon 60 simbol kerjasama perkongsian pintar selepas menutup dialog sesi terakhir Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 2007) di Langkawi, semalam.

telah usahakan melalui LID dan proses seumpama itu di Afrika," tegas Perdana Menteri.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada peserta dialog termasuk yang terlibat buat kali pertama iaitu Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont; Perda-

na Menteri St. Vincent and the Grenadines, Dr. Ralphe Gonsalves dan Menteri Kanan Kemboja, Chhay Than, atas sumbangan input dan idea mereka yang telah menjayakan dialog tersebut.

"Saya amat tertarik dengan kesediaan

anda untuk berkongsi dan membincangkan pengalaman, tindakan dan cabaran secara terbuka.

"Perbincangan yang mesra dan bertelusur-terang sepanjang berlangsungnya dialog menyuarakan dengan baik mengenai masa depan kerjasama kita," katanya.